

# GRADUAN UniMAP

PENUHI KEHENDAK INDUSTRI

**BATU KAWAN, 1 November** – Laris di pasaran kerja dan menjadi rebutan majikan bukanlah satu omongan kosong bagi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) apabila seramai 25 graduan universiti itu diterima sebagai kakitangan tetap di HP Malaysia Manufacturing (HPMM) Pulau Pinang.

Malah 10 graduan itu baharu sahaja menerima skrol mereka pada Istiadat Konvokesyen ke-12 UniMAP, dua hari lepas. Naib Canselor UniMAP Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, kesemua mereka adalah graduan Diploma dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik dan telah menjalani temuduga sebelum layak menyertai HPMM. "Malah mereka juga perlu mengikuti program selama enam bulan tajaan HPMM di UniMAP sebelum kembali ke HPMM pada bulan ketujuh dan berkhidmat sebagai kakitangan tetap syarikat tersebut.

"Ini juga merupakan satu penghormatan apabila HPMM memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan program bagi melatih bakal kakitangan mereka dibawah program enam bulan di UniMAP," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran program "*Developing the Skills and Competencies of The Local Talents for HPMM*" yang berlangsung di pejabat HPMM Pulau Pinang, semalam.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Dato' Dr. Mohd Sofi Osman; Presiden, Kulim Hi-Tech Park Corporation, Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar; Pengarah Urusan HPMM Sdn. Bhd., Sunil Chandiramani; dan Pengarah, Institut Teknikal Japan-Malaysia, Zaihan Shukri.

